

08 SEP 2000
IAP-MS/I
ANGGOTA IAP PUJI KEMAJUAN MSC

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) dari beberapa syarikat di seluruh dunia yang bernilai lebih AS\$10 trilion hari ini memuji kemajuan yang dicapai oleh Koridor Raya Multimedia (MSC).

Anggota IAP itu yang berada di sini untuk menghadiri mesyuarat keempat IAP bermula semalam, kagum dengan komitmen dan prasarana yang disediakan kerajaan dan juga beberapa syarikat yang telah mencapai status MSC.

Pada sidang berita selepas melawat Expo 2000 MSC, anggota tersebut yang mengandungi pemimpin-pemimpin industri menyuarakan kepuasan hati mereka terhadap kemajuan yang dicapai MSC sejak ia dilancarkan lima tahun lalu, dan mereka juga kagum dengan sokongan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apabila anda memandang kami, anda melihat kumpulan yang bernilai AS\$10 trilion...kami datang dari China, Jepun, Amerika Syarikat, Britian dan negara lain, dan kami berada di sini untuk menyokong MSC," kata Dr John Gage, Ketua penyelidik dan pengarah pejabat sains Sun Microsystems.

"Tiada pemimpin lain boleh mengumpulkan panel seumpama itu. Malaysia mendahului dalam kepimpinan dan pelaksanaan," katanya.

Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri Kabinet dan anggota IAP turut hadir pada sidang berita itu.

Seorang lagi anggota IAP, Gilbert Amelio dari The Parkside Group LLC, berkata Malaysia tidak seharusnya bimbang dengan kritikan bahawa ia ketinggalan dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) berbanding negara lain seperti Taiwan dan Singapura.

Beliau berkata negara-negara itu telah lama bermula dan mengambil masa kira-kira 10 tahun untuk berada pada peringkat yang mereka ada sekarang.

"Ia tidak dicapai dengan sekelip mata ...ia memerlukan beberapa tahun. Dari segi itu, MSC telah mencapai sesuatu yang baik ...kemajuannya begitu mengagumkan dan saya juga telah meminta Dr Mahathir untuk mengkaji penggabungan dengan syarikat asing bagi membolehkan pemindahan teknologi," katanya.

Roland Koch dari Siemen AG berkata pencapaian yang dibuat oleh MSC, yang mana telah berjaya menarik 362 syarikat dalam jangka masa pendek, adalah mengagumkan dan expo itu sebagai pameran kejayaannya.

"Tiada satu pun yang dapat dicapai dengan sekelip mata .. saya boleh katakan apa yang dilakukan dalam sebulan di tempat lain hanya mengambil beberapa minggu di Malaysia, tetapi anda mesti mencari pasaran dunia kerana pasaran tempatan sahaja tidak mencukupi," katanya.

Prof William F. Miller dari Universiti Stanford yang membantu kerajaan pada peringkat perancangan MSC berkata ini adalah projek yang dibuat dalam tempoh masa singkat berbanding sebarang projek lain di dunia.

Miller berkata soalnya sekarang sama ada Malaysia boleh mengekalkan kemajuan yang telah dibuat terutamanya dalam membangunkan kakitangan.

"Masa depan adalah berkaitan kepada bakat kakitangan. Kerajaan membina prasarana tetapi mereka yang menentukan masa depan MSC," katanya.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Acer, Datuk Stan Shih, berkata MSC adalah projek jangka panjang dan kerajaan perlu memberikan insentif untuk menarik "pemain antarabangsa", terutamanya modal teroka.

Beliau berkata kerajaan perlu memberikan status bebas cukai kepada dana modal, dan kumpulan kewangan tempatan seharusnya memberikan dana seumpama

itu kepada syarikat tempatan yang mempunyai status MSC, kerana mereka lebih memahami syarikat tempatan.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Inc, Bob Bishop meminta Malaysia membina strategi jualan, pemasaran dan perniagaan yang kekurangan sekarang.

Profesor Wang Xuan dari Universiti Peking mengingatkan Malaysia tentang bersaing dengan pemain utama dalam industri IT dan menyarankan agar lebih selektif.

Wang berkata beliau kagum dengan kemudahan yang terdapat di bandar komersil MSC, Cyberjaya, tahun lepas saya memerlukan masa satu jam untuk pergi ke Cyberjaya dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, tetapi kali ini hanya memerlukan 25 minit sahaja, kataya.

C.D. Tam dari Motorola berkata harimau masih berkeliaran semasa Motorola membuka kilangnya yang pertama di Petaling Jaya pada tahun 1973, tetapi sekarang negara ini telah berjaya menarik syarikat bertaraf antarabangsa, kebanyakannya yang berasaskan semikonduktor.

"Sekarang ia adalah era yang berbeza. Malaysia adalah pengeluar semikonduktor yang terbesar di dunia kerana tumpuan yang diberikan .. perkara yang sama harus dilakukan," katanya.

Pengarah Urusan Reuters bagi Asia Pasifik Jan Coos Geesink berkata bagi MSC untuk berjaya ia tidak seharusnya menjadi "cermin" kepada Lembah Silikon, tetapi mewujudkan penggunaan dan perisian sendiri.

-- BERNAMA

AR AR RI